

<b>Headline</b>	<b>Penduduk Kampung Shukor bantu kajian FRIM</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Sinar Harian (Pantai Timur)</b>		
<b>Date</b>	<b>26 Sep 2018</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>News</b>	<b>Circulation</b>	<b>160,000</b>
<b>Page No</b>	<b>36</b>	<b>Readership</b>	<b>509,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>204 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 1,617</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 4,851</b>



## **Penduduk Kampung Shukor bantu kajian FRIM**

**DUNGUN** - Reaksi dan maklumat penduduk setempat diperlukan untuk mengumpul data mengenai jenis-jenis kebergantungan dan hubungan komuniti terhadap persekitaran hutan.

Maklumat yang diambil menerusi kira-kira 60 penduduk kampung Shukor berkenaan dikumpul bagi membantu Institusi Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menjayakan projek kajian di bawah RMK ke 11.

Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Shukor, Tengku Mad. Hamdan Tengku Mah-

mud berkata, komuniti kampung itu dipilih untuk membantu kaji selidik mengenai penilaian elemen sosial sebagai salah satu indikator pembangunan indeks integriti ekosistem (Ell).

Menurutnya, kajian tersebut adalah untuk pengurusan hutan secara lestari di Semenanjung Malaysia.

"Kaji selidik ini adalah untuk projek pembangunan RMK 11 dalam memperkasakan penyelidikan dan peningkatan integriti ekosistem pengurusan hutan secara lestari.

"Ahli Jawatankuasan

MPKK turut membantu bagi melancarkan kaji selidik ini," katanya.

Beliau berkata, sesi kaji selidik menfokuskan kepada kebergantungan serta hubungan komuniti terhadap hutan dan sumbernya.

"Diharapkan segala maklumat yang diberikan dapat membantu FRIM melaksanakan kajian dengan lebih baik.

"Kita yakin apa yang dilakukan juga demi kepentingan pemuliharaan dan pemeliharaan hutan pada masa akan datang," katanya.



Antara penduduk yang terlibat ketika sesi kaji selidik.